Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 4 – 7 JUN 2021**

**BIL. 13 /2021**

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 7 Jun 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 534,357** atau 85.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **84,269 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **5,271 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **622,086 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.7 peratus** atau **5,257 kes** daripada catatan harian dengan **90.6 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 14 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.2 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.5 peratus), Zon Selatan (17.1 peratus), Zon Utara (12.0 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** dengan **1,374 kes** disusuli Sarawak (703 kes), Negeri Sembilan (571 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (455 kes), Johor (355 kes), dan Kelantan (341 kes). Sejumlah **3,460 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **82 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 6 Jun 2021 menunjukkan seramai **2,444,075** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **406,536** diikuti Selangor dengan 352,725. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (234,345), Johor (226,317), Perak (200,512), Sabah (179,121), Kedah (164,512) manakala Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 124,614 dan 122,063. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **3,574,376 meliputi 2,444,075** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,130,301** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Aktiviti pembuatan US meningkat pada kadar yang lebih cepat** pada bulan Mei 2021. Institute for Supply Management (ISM)

melaporkan PMI sektor Pembuatan meningkat kepada 61.2 pada bulan Mei 2021 daripada 60.7 pada bulan April 2021. Kenaikan indeks utama mencerminkan pertumbuhan pesanan baru apabila indeks pesanan baharu naik ke 67.0 pada bulan Mei 2021 daripada 64.3 pada bulan April 2021. Sebaliknya, laporan menunjukkan indeks pengeluaran merosot ke 58.5 pada bulan Mei dari 62.5 pada bulan April, menunjukkan pertumbuhan yang lebih menyederhana. (RTT)

- US: **Perbelanjaan ke atas pembinaan meningkat ke rekod tertinggi baharu** pada bulan April 2021. Laporan yang dikeluarkan oleh Commerce Department menunjukkan perbelanjaan pembinaan AS meningkat 0.2% kepada kadar tahunan USD1.52 trilion pada bulan April setelah melonjak 1.0% pada bulan Mac. Penganalisis ekonomi menjangkakan perbelanjaan pembinaan akan meningkat 0.6%. Dengan kenaikan sederhana, nilai perbelanjaan pembinaan tahunan mencapai tahap tertinggi yang baharu pada bulan April. (RTT)

- EU: **Pertumbuhan sektor Pembuatan zon Eropah berkembang pada kadar yang tinggi** pada bulan Mei 2021. Menurut IHS Markit, tinjauan menunjukkan Indeks Pengurus Pembelian Pembuatan (PMI) meningkat kepada 63.1 pada bulan Mei dari 62.9 April. Blok Ekonomi Eropah yang telah dilanda wabak COVID-19 selama setahun terakhir dengan kerajaan menutup sebahagian besar industri perkhidmatan yang dominan di wilayah berkenaan. Walau bagaimanapun, kilang-kilang sebahagian besarnya dibuka, dan sekatan di beberapa negara telah dilonggarkan secara beransur-ansur. (Reuters)

- EU: **Pengangguran Germany menyusut lebih banyak daripada yang dijangkakan**. Federal Labor Office Germany melaporkan, jumlah penganggur menurun sebanyak 15,000 orang pada bulan Mei 2021 setelah meningkat 8,000 orang pada bulan sebelumnya. Penganalisis ekonomi menjangkakan pengangguran akan menurun sebanyak 9,000 orang. (RTT)

- Australia: **Reserve Bank of Australia (RBA) mengekalkan kadar faedah.** Bank pusat RBA mengekalkan kadar faedah pada paras terendah dan mengulangi pendirian polisinya walaupun data menunjukkan output ekonomi negara itu berada di atas paras pra-pandemik serta keadaan harga kediaman yang melambung tinggi. Agensi berkenaan menetapkan kadar faedah pada 0.1% untuk kali keenam berturut-turut. (Reuters)

- US: Federal Reserve menyatakan **ekonomi US berkembang pada kadar yang lebih pantas pada tempoh April 2021 hingga Mei 2021**. (RTT)

- US: Federal Reserve merancang untuk mulai secara **beransur-ansur menjual semula portfolio kredit korporat** yang dibeli melalui program pinjaman kecemasan yang dilancarkan tahun lepas. (Bloomberg)

- EU: **Indeks Harga Pengeluar (IHPr) meningkat pada kadar yang lebih pantas pada bulan April 2021.** Eurostat melaporkan, kadar inflasi harga pengeluar zon Eropah meningkat kepada 7.6% pada bulan April 2021 daripada 4.3% yang dicatatkan pada bulan Mac 2021. Peningkatan ini melepasi angka ramalan penganalisis ekonomi pada kadar 7.3%. Tidak termasuk tenaga, IHPr meningkat 3.5% tahun ke tahun, setelah mencatatkan kenaikan 2.3% pada bulan sebelumnya. (RTT)

- EU: **Jualan runcit Germany bagi April 2021 susut lebih daripada yang dijangkakan.** Laporan Destatis menunjukkan jualan runcit merosot -5.5% pada asas perbandingan bulan ke bulan, berbanding kenaikan 7.7% pada bulan Mac 2021. Penganalisis ekonomi menunjurkan nilai jualan akan turun -2% pada bulan April 2021. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan jualan runcit perlahan kepada 4.4% daripada 11.6% pada bulan sebelumnya. (RTT)

- EU: IMF mengunjurkan **ekonomi Greece akan tumbuh 3.3% pada tahun 2021**. Pertumbuhan ini akan didorong oleh pelaburan dana pemulihan Eropah, permintaan pengguna terpendam dan pelancongan. Bagi tahun 2022, IMF meramalkan ekonomi Greece bertumbuh 5.4%. (Reuters)

- UK: **Pinjaman pembelian perumahan yang diluluskan meningkat lebih tinggi daripada yang dijangkakan** pada bulan April 2021. Bank of England melaporkan bahawa kelulusan gadai janji UK meningkat lebih tinggi kepada 86,921 pada bulan April daripada 83,402 pada bulan Mac. Penganalisis menjangkakan sebanyak 84,980 yang akan diluluskan. Nilai bersih pinjaman jatuh kepada GBP3.3 bilion daripada GBP11.5 bilion pada bulan Mac 2021. Penganalisis meramalkan pinjaman menurun kepada GBP6.6 bilion. (RTT)

- China: **Aktiviti Pembuatan China berkembang dengan lebih pantas** tahun ini pada bulan Mei 2021, apabila permintaan domestik dan eksport meningkat, di tengah-tengah kenaikan harga bahan mentah yang mendadak dan tekanan dalam rantai bekalan membebankan pengeluaran beberapa syarikat. Indeks Pengurus Pembelian Pembuatan Caixin / Markit (PMI) meningkat kepada 52.0 bulan lalu, tahap tertinggi sejak Disember 2020 dan meningkat dari 51.9 April 2021. Pesanan baharu meningkat pada tahap tertinggi tahun ini dan ukuran pesanan eksport adalah yang tertinggi sejak November 2021. Walaupun output mengukuh, nilai tersebut adalah sedikit lebih rendah daripada bulan sebelumnya. (Reuters)

- South Korea: **Eksport South Korea mencatat kenaikan terbesar sejak tahun 1988**. Eksport melonjak pada bulan Mei 2021 apabila pembukaan semula ekonomi luar negeri mendorong peningkatan permintaan. Penghantaran luar negara (*Oversea shipment*) negara meningkat 45.6%, berbanding dengan unjuran penganalisis ekonomi pada kadar kenaikan 48.9%. Eksport ke China meningkat 22.7% sementara jumlah penghantaran semikonduktor meningkat 24.5%. Dalam laporan yang berasingan, tinjauan IHS Markit menunjukkan sektor pembuatan negara South Korea berkembang pada kadar yang lebih perlahan, dengan indeks pengurus pembelian untuk bulan Mei pada 53.7, turun sedikit dari bulan sebelumnya. (Bloomberg)

- Taiwan: **Pertumbuhan pembuatan Taiwan perlahan pada bulan Mei 2021.** Sektor pembuatan Taiwan berkembang dengan kadar yang lebih perlahan pada bulan Mei 2021. Tinjauan IHS Markit menunjukkan Indeks Pengurus Pembelian pembuatan mencatatkan 62.0 pada bulan Mei daripada 62.4 pada bulan April. Walau bagaimanapun, pesanan baharu dan output meningkat pada kadar terpantas bagi tempoh lebih dari satu dekad. Aktiviti pembelian berkembang menjadi paling cepat sejak Mac 2020. Laporan turut menunjukkan jumlah penggajian meningkat untuk bulan ketujuh berturut-turut. (RTT)

- Indonesia**: Harga pengguna (IHP) meningkat lebih dari yang dijangkakan** pada bulan Mei 2021. Laporan dari BPS menunjukkan inflasi pengguna meningkat 1.68% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021. Statistik turut menunjukkan inflasi teras meningkat 1.37% pada bulan Mei, melebihi ramalan ekonomi 1.28%. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

2.1. **Pelaksanaan PKP yang berterusan dijangka memberi kesan kepada lebih 90 peratus usahawan mikro, kecil, sederhana dan informal**. Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh MEDAC terhadap 3,855 responden pada Mac yang lalu, kebanyakkan usahawan mikro ini mampu bertahan dalam tempoh tiga hingga enam bulan kerana kekurangan sumber kewangan untuk menampung gaji pekerja dan komitmen bayaran lain.

2.2. Unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) **antara 6.0 dan 7.5 peratus bagi tahun 2021 akan disemak semula** selepas mengambil kira pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh.

2.3. Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) layak menerima **moratorium tiga bulan atau 50 peratus pengurangan pembayaran bulanan selama enam bulan** manakala perusahaan mikro dan PKS yang tidak dapat beroperasi boleh memohon bantuan yang sama.

2.4. **Pasaran niaga emas** pada bulan Jun 2021 adalah RM225 segram, Julai 2021 RM230 segram sementara Ogos 2021 dan September 2021 masing-masing ditetapkan pada RM255 segram.

2.5. Proton Holdings Bhd (Proton) mengumumkan **jualan menyusut 37.1 peratus** pada Mei disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2.6. Penerbangan Malaysia Berhad akan **mengurangkan 85 peratus kapasitinya dengan operasi perkhidmatan terhad di seluruh rangkaiannya sepanjang tempoh kawalan pergerakan antara 1 Jun dan 14 Jun 2021**. Ia akan terus memudahkan perjalanan domestik dan antarabangsa yang penting dan pergerakan kargo walaupun terdapat sekatan perjalanan sementara.

2.7. **Malaysia menduduki tempat teratas dalam senarai peluang pengembangan untuk 65% syarikat China yang ingin meningkatkan operasi penjualan dan pengeluaran mereka**. Pada masa ini, 72% perniagaan China menjual dan mengeksport ke Malaysia. Majoriti syarikat merancang untuk meningkatkan pelaburan mereka dan mempertimbangkan untuk **melaksanakan program transformasi digital, mendorong keberlanjutan dan persekitaran, inisiatif sosial dan tadbir urus dan membentuk usaha sama** untuk meningkatkan kehadiran pasaran sebagai bidang terpenting untuk

mereka fokuskan untuk pertumbuhan yang berdaya tahan dan seimbang di Asean.

2.8. Penutupan sebahagian aktiviti ekonomi yang mempengaruhi sentimen pelabur dilihat sebagai rintangan sementara. **Aliran masuk FDI ke Malaysia dijangka bertambah baik tahun ini yang akan dipimpin oleh Amerika Syarikat dan China**. Tambahan pula, pelancaran Program Pelan Pembangunan Digital Malaysia diharapkan dapat meningkatkan FDI dalam pembangunan perisian dan infrastruktur digital perkakasan serta 5G.

2.9. Top Glove Corp Bhd, pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia berdasarkan kapasiti pengeluaran, mengatakan **kapasiti pengeluaran sarung tangan tahunannya meningkat kepada kira-kira 100 bilion keping pada Jun 2021 untuk memenuhi permintaan yang tinggi untuk produk tersebut kerana pandemi COVID-19**. Peningkatan kapasiti pengeluaran sarung tangan kumpulan telah dicapai melalui 37 kilang sarung tangan pengeluar, yang mempunyai sejumlah 812 barisan bekas tunggal yang setara.

2.10. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah **mengetatkan syarat import lembu hidup dari luar negara bagi mencegah penularan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD)** yang kini menular di beberapa negara Asia. Walaupun LSD tidak menyebabkan kematian yang tinggi terhadap lembu tetapi ia memberi kesan ekonomi kepada pemain industri penternakan lembu dan kerugian akibat lembu menjadi kurus, penurunan pengeluaran susu, keguguran dan kemandulan kepada lembu jantan.

2.11. **Pemulihan ekonomi Malaysia dijangka terkesan dengan peningkatan jumlah kes wabak COVID-19** yang membawa kepada PKP 3.0 sepanjang tempoh 1 – 14 Jun 2021. **Unjuran pertumbuhan KDNK oleh Moody's sebanyak 5.6 peratus bagi tahun ini** ekoran daripada ketidaktentuan perkembangan ekonomi negara ketika ini, didorong oleh permintaan domestik yang terjejas memandangkan perbelanjaan isi rumah terhad kepada perkhidmatan penting. Sektor pembuatan pula dibenarkan beroperasi pada kapasiti 60 peratus seterusnya mempengaruhi pengeluaran sektor tersebut. Namun, eksport Malaysia dijangka mengekalkan prestasi positif yang disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap barangan teknologi global.

2.12. MBSB Bank Bhd telah **meluluskan 76,139 permohonan bantuan kewangan** termasuk kemudahan penstrukturan dan penjadualan semula **kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** seluruh

negara. Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan pelanggan daripada kumpulan B40, M40 dan T20 yang **kehilangan pekerjaan pada 2020 atau 2021 layak menerima moratorium 3 bulan atau pengurangan bayaran bulanan sebanyak 50 peratus selama 6 bulan**. PKS yang tidak dibenarkan beroperasi juga layak memohon kemudahan yang sama.

2.13. **Indeks kos harga makanan dunia dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melonjak bulan ke-12 berturut-turut pada Mei 2021**, momentum paling lama dalam masa sedekad. Kenaikan tidak terkawal itu **meningkatkan risiko mempercepat inflasi lebih meluas**, sekali gus menyukarkan usaha bank pusat untuk memberikan lebih banyak rangsangan.

2.14. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memastikan penghuni di **semua 500 pusat jagaan OKU dan warga emas yang berdaftar menjalani program vaksinasi secara mobil**.

2.15. Sehingga 5 Jun 2021, Kementerian Pendidikan telah **mengagihkan sebanyak 12,887 daripada 150,000 unit komputer riba** dilengkapi akses internet kepada murid daripada keluarga B40.

2.16. Sebanyak 10 tan metrik tembikai akan **dijual pada harga serendah RM0.80 sekilogram** di negeri Melaka bagi **membantu mengatasi lambakan buah tersebut sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh**. Bekalan telah diambil dari Terengganu dan dijangka ditambah mengikut permintaan tempatan. Tembikai berkenaan akan dijual di Pasar Tani Pasar Segar Terkawal (PST), Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat dan gerai buah-buahan yang terpilih.

2.17. **Pengusaha bunga di Cameron Highlands terpaksa membuang beberapa tan bunga setiap hari** berikutan sekatan pergerakan. Lebih 100 pengusaha yang membekalkan bunga kepada seluruh negara **mengalami kerugian ribuan ringgit setiap hari**.

2.18. Rata-rata peniaga ayam di negeri Kelantan dan Johor terpaksa **mengurangkan bekalan ayam proses di premis mereka sebagai langkah untuk mengurangkan kerugian bahan mentah** itu sekiranya tidak habis dijual sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh. Sekiranya bekalan ayam tidak habis, kebanyakan peniaga akan memotong bahan mentah itu mengikut bahagian tertentu sebelum disejuk beku dan dijual semula.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>5 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Potongan cukai untuk penyumbang Akaun Amanah Bencana**<br><br>Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) memaklumkan bahawa semua sumbangan kepada Akaun Amanah Bencana oleh individu mahupun syarikat korporat layak mendapat potongan cukai selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan syarat sumbangan disokong oleh resit rasmi Kerajaan (Kew. 38) ataupun dokumen pengesahan/resit urus niaga bagi sumbangan yang dikreditkan melalui saluran-saluran sistem perbankan rasmi. | https://www.sinarharian.com.my/article/142559/BERITA/Nasional/Potongan-cukai-untuk-penyumbang-Akaun-Amanah-Bencana |
| 2. | **Sinar Harian**<br>5 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Unjuran KDNK 2021 disemak semula: Mustapa**<br><br>Kerajaan dijangka menyemak semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 6.0 dan 7.5 peratus bagi 2021 kerana sasaran pertumbuhan KDNK tersebut dijangka tidak dapat dicapai berikutan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh. kerajaan turut menjangka kesan ekonomi akibat Sekatan Pergerakan Penuh yang dilaksanakan ketika ini tidak akan menyebabkan kerugian yang besar seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0. | https://www.sinarharian.com.my/article/142520/BERITA/Nasional/Unjuran-KDNK-2021-disemak-semula-Mustapa |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian**<br>6 Jun 2021<br>*(Essential)* | **MBSB lulus lebih 76,000 permohonan bantuan kewangan**<br><br>MBSB telah meluluskan sebanyak 76,139 permohonan bantuan kewangan termasuk penstrukturan dan penjadualan semula kemudahan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di seluruh negara.<br><br>Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) layak menerima moratorium tiga bulan atau 50 peratus pengurangan pembayaran bulanan selama enam bulan manakala perusahaan mikro dan PKS yang tidak dapat beroperasi boleh memohon bantuan yang sama. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/824799/mbsb-lulus-lebih-76000-permohonan-bantuan-kewangan |
| 4. | **Utusan Malaysia**<br>7 Jun 2021<br>(*Non-essential*) | **Eksport bulanan Proton tertinggi dalam 8 tahun**<br><br>Proton mencatatkan jumlah eksport bulanan tertinggi dalam tempoh lebih lapan tahun apabila mengeksport 669 unit kenderaan pada Mei lalu.<br><br>Proton telah mengeksport kenderaan merangkumi model model Saga, X50 dan X70. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/eksport-bulanan-proton-tertinggi-dalam-8-tahun/ |

Penemuan penting & isu:

1. Unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 6.0 dan 7.5 peratus bagi tahun 2021 akan disemak semula selepas mengambil kira pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh.

2. Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) layak menerima moratorium tiga bulan atau 50 peratus pengurangan pembayaran bulanan selama enam bulan manakala perusahaan mikro dan PKS yang tidak dapat beroperasi boleh memohon bantuan yang sama.

| |
|---|
| |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Perusahaan kecil dan Sederhana (PKS) antara golongan yang terkesan dengan pelaksanaan PKP3.0 apabila hanya perkhidmatan perlu sahaja yang telah diumumkan oleh Kerajaan boleh beroperasi dalam tempoh PKP. Bantuan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan dijangka dapat membantu kelangsungan syarikat sepanjang tempoh PKP. Pada tahun 2019, sumbangan PKS kepada KDNK Negara adalah sebanyak 38.9 peratus bersamaan dengan nilai ditambah sebanyak RM552.3 bilion.<br><br>2. Pemulihan ekonomi negara pada tahun 2021 dijangka akan mengalami cabaran terutamanya apabila PKP kembali dilaksanakan. Sebelum ini, BNM menyasarkan ekonomi bertumbuh antara 6.0 peratus hingga 7.5 peratus. Pada ST1 2021, KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan negatif marginal 0.5 peratus yang antara lain disumbangkan oleh pengukuhan sektor pembuatan dan pemulihan sektor pertanian. |

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 1. | **Berita Harian**<br>4 Jun 2021<br>(*Essential*) | **MR DIY jual produk kesihatan, penjagaan diri**<br><br>MR DIY Group (M) Bhd mempelbagaikan 69 produk dari pelbagai jenama kesihatan dan penjagaan diri termasuk vitamin, makanan tambahan, produk kebersihan, penjagaan kebersihan diri dan mulut.<br>Sempena dengan pelancarannya, MR DIY memberikan 15 peratus diskaun kepada lebih 35 produk rangkaian baharu tersebut yang boleh didapati di 350 cawangan MR DIY bermula 1 Jun 2021. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/824290/mr-diy-jual-produk-kesihatan-penjagaan-diri |
| 2. | **Berita Harian**<br>4 Jun 2021<br>(*Essential*) | **MPOB hasilkan baja mampu tingkat pengeluaran sawit** | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/824192/mpob-hasilkan-baja- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Sekumpulan penyelidik dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menghasilkan inovasi formulasi baja yang mengandungi nutrien seimbang, sekaligus mampu meningkatkan pengeluaran hasil buah sawit dan menjana pendapatan lebih tinggi kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil. MPOB telah menandatangani perjanjian bersama FGV Fertiliser Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan baja MPOB F3. | mampu-tingkat-pengeluaran-sawit |
| 3. | **Utusan Malaysia**<br>4 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **NMax kini dua warna baharu, harga sama**<br><br>Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd. memperkenalkan dua warna dan grafik baharu skuter keluarannya,<br>Skuter ini berada di pasaran dengan harga jualan RM8,998 tidak termasuk insurans dan yuran pendaftaran. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/nmax-kini-dua-warna-baharu-harga-sama/ |
| 4. | **Bernama**<br>4 Jun 2021<br>(*Essential*) | **MITI digesa turun padang pantau syarikat sebelum beri kelulusan beroperasi- DPDM**<br><br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) digesa bekerjasama dengan Bahagian Industri Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memantau syarikat yang memohon kebenaran beroperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh.<br><br>Pemantauan dan turun di lapangan oleh pihak MITI dapat memastikan syarikat yang | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1968568 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memenuhi kelayakan saja dibenarkan untuk beroperasi.<br><br>Dijangka 50 peratus syarikat PKS terpaksa menutup perniagaan jika PKP 4.0 dilaksanakan. | |
| 5. | **Sinar Harian**<br>4 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Pasaran niaga hadapan emas tidak diniagakan pagi ini**<br><br>Kontrak niaga emas diniagakan pada sesi dagangan awal pada bulan Jun 2021 adalah RM225 segram, Julai 2021 RM230 segram sementara Ogos 2021 dan September 2021 masing-masing ditetapkan pada RM255 segram. | https://www.sinarharian.com.my/article/142242/BISNES/Pasaran-niaga-hadapan-emas-tidak-diniagakan-pagi-ini |
| 6. | **Harian Metro**<br>4 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Jualan Proton susut 37.1 peratus pada Mei**<br><br>Proton Holdings Bhd (Proton) menjual 9,440 unit kenderaan pada bulan Mei, susut sebanyak 37.1 peratus berbanding bulan April disebabkan kekurangan bekalan cip dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br>Peningkatan 2.4 peratus jumlah jualan yang direkodkan adalah 57,283 unit dengan pegangan pasaran 23.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu<br>Pasaran secara keseluruhan pada April, Proton Saga mengakhiri bulan Mei dengan jualan terbanyak bagi segmen-A apabila 3,786 unit diserahkan kepada pemilik manakala SUV Proton X50 mencapai 1,899 unit pada bulan Mei manakala Proton X70 pula berjaya mencapai 1,523 unit. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/713689/jualan-proton-susut-371-peratus-pada-mei |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Harian Metro**<br>4 Jun 2021<br>(Non-*Essential*) | **Peraduan hargai pelanggan setia**<br><br>Kumpulan The Store menganjurkan Peraduan Cabutan Bertuah sempena Sambutan Ulang Tahun ke-53 di cawangan Pasar Raya The Store & Departmental Store /Pacific Hypermarket & Departmental Store/ Market Place by The Store / Market Place by Pacific/ TS Concept Store / Super Jimat berlangsung dari 1 Mei 2021 hingga 31 Julai 2021 dengan menawarkan pelbagai hadiah lumayan. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/713687/peraduan-hargai-pelanggan-setia |
| 8. | **Malay Mail**<br>4 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Sale of non-essential items: Deputy Minister says ok for cigarettes to be sold as it is 'essential to cigarette addicts' but maintains ban on alcohol**<br><br>Deputy Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs said that the sale of cigarettes could still continue even if they were not listed as necessities, as they were "important for cigarette addicts".<br>The rule also applies to all other non-essential items, which also cannot be sold in any store.<br>Stores that sell liquor cannot operate for two weeks, as alcoholic beverages are not necessities according to established standard operating procedures and are not considered essential goods. | https://www.malaymail.com/news/money/2021/06/02/proton-sells-9440-units-in-may-down-37.1pc-from-april/1979107 |
| 9. | **Harian Metro**<br>5 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Bantuan perniagaan bersasar**<br><br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan terus | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/714080/bantuan-perniagaan-bersasar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menyediakan bantuan kepada usahawan yang terjejas termasuk membantu memulakan semula perniagaan dengan produk atau perkhidmatan baharu.<br><br>Ia juga termasuk menyediakan kemudahan lanjutan moratorium dan bantuan bayaran pembiayaan bersasar di bawah Bank Rakyat dan SME Bank serta menyediakan Pembiayaan Tabung Modal Pusingan untuk koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). | |
| 10. | **Free Malaysia Today**<br>5 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Digitalisation holds potential to boost the used car industry**<br><br>The automotive industry is now being transformed with the adoption of technology from data analysis to machine automation. Sentiment changes in the current pandemic, consumers are increasingly using the "online approach<br><br>Carsome, Pivush Palkar has partnered with Aspiration, to provide micro financing and micro insurance solutions under Axiata Digital to used car dealers.<br><br>Data shows the three best -selling models on the site are the Perodua Myvi, Toyota Vios and Proton Saga.<br><br>As of April 2021, Carsome reported 8,000 used car sales per month with a transaction volume of more than US$700 million and the company was on track to | https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2021/06/05/digitalisation-holds-potential-to-boost-the-used-car-industry/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | achieve annual revenue of US$1 billion by the end of the second quarter of 2021. | |
| 11. | **New Straits Times**<br>6 Jun 2021<br>(*Essential*) | **No more two-hour shopping limit, says ministry enforcement chief**<br><br>The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) has temporarily lifted the two-hour shopping limit at retail outlets. The non-governmental organisation (NGO) who wish to buy bulk essential items for donation purposes throughout the lockdown period are advised not to source their supply from sundry shops they should instead source supplies from wholesalers and manufacturers. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/696434/two-hour-shopping-limit-retail-outlets-temporarily-lifted |
| 12. | **The Star**<br>6 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Timeliness of 'essential service' approvals more important than how many get it**<br><br>Shopping Malls Association, Malaysia Retailers Association, Malaysia Retail Chain Association and Bumiputra Retailers Organisation said that the recent controversy over the number of businesses that have been issued approval letters was not the issue. The government must ensure that all "essential service" businesses and their chain of supporting activities have their operating approvals.<br>They said that for essential services to run, other businesses are needed to support them – such as businesses related to raw | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/06/timeliness-of-039essential-service039-approvals-more-important-than-how-many-get-it |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | materials, production, packaging and the delivery of the entire supply chain – are essential services.<br>500,000 persons involved in the retail business and the shopping mall industry have been recognised as "frontliners" and would be vaccinated as soon as possible. | |
| 13. | **Harian Metro**<br>6 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Harga barangan asas tunjuk tren menurun – KPDNHEP**<br><br>Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan berdasarkan pemantauan sepanjang tempoh SPP sehingga hari ini, tiada barangan keperluan mencatatkan peningkatan harga ketara.<br>Kebanyakan harga barangan asas seperti ayam, daging, sayuran serta telur menunjukkan tren penurunan sejak 1 Jun lalu. Harga ayam menurun, manakala harga daging yang sebelum ini meningkat juga sudah stabil dan ada penurunan sedikit. Harga ikan mencatatkan sedikit kenaikan, namun tidak ketara. Malah, kenaikan itu hanya dilihat pada ikan tertentu sahaja<br>Setakat ini, tiada tindakan yang diambil dan akan melakukan pemantauan secara berterusan bagi memantau harga barang keperluan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/714604/harga-barangan-asas-tunjuk-tren-menurun-kpdnhep |
| 14. | **Harian Metro**<br>6 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Harga minyak masak 5 kg lepasi harga RM32 sebotol**<br><br>Pengguna di bandar raya Johor Bahru terkejut apabila mendapati | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/714593/harga-minyak-masak-5-kg- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | harga minyak masak dalam botol terus naik melambung berbanding sebelum ini<br>Tinjauan di beberapa pasar raya, kedai serbaneka serta pasar mini di Larkin dan Tampoi, mendapati minyak masak dalam botol lima kilogram (kg) melonjak naik melepasi harga antara RM30 hingga RM32.70 sebotol berbanding hanya RM25.90 hingga RM28 sebotol sebelum ini. | lepasi-harga-rm32-sebotol |
| 15. | **Harian Metro**<br>6 Jun 2021<br>(*Essential*) | **KPDNHEP jamin barang mencukupi ketika PKP 3.0**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihati pengguna agar tidak panik berbelanja kerana barang keperluan di seluruh negara mencukupi.<br>Orang ramai perlu bijak berbelanja seperti biasa dan perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP). Harga barang semasa PKP 3.0 lebih murah dan kebanyakan pasar raya turut mempromosikan pembelian secara atas talian dan perkhidmatan *personal shopper.* | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/714625/kpdnhep-jamin-barang-mencukupi-ketika-pkp-30 |
| 16. | **Berita Harian**<br>7 Jun 2021<br>(*Essential*) | **DPMM gesa moratorium pinjaman automatik untuk semua**<br><br>Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menggesa moratorium pinjaman automatik diberi ke atas semua jenis pinjaman kepada setiap kumpulan rakyat di negara ini sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/825061/dpmm-gesa-moratorium-pinjaman-automatik-untuk-semua |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Moratorium itu membabitkan semua pinjaman perbankan, peminjam berlesen, syarikat kredit termasuk kad kredit kepada mereka yang tidak mendapat pendapatan tetap.<br>Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini mengumumkan, menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bernilai RM40 bilion, semua golongan B40 dan rakyat yang terjejas ekoran kehilangan pekerjaan serta perusahaan mikro dan PKS yang tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP diberi pilihan mendapatkan kelulusan moratorium secara automatik selama tiga bulan atau boleh memilih untuk mendapatkan pengurangan bayaran balik secara ansuran sebanyak 50 peratus selama tempoh enam bulan. | |
| 17. | **Utusan Malaysia**<br>7 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Tiada kenaikan harga, minyak masak bersubsidi cukup**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberi jaminan bekalan minyak masak bersubsidi masih cukup dan menafikan kenaikan harga bekalan minyak masak bersubsidi. Bekalan adalah mencukupi bagi menampung permintaan domestik dan tidak berlaku sebarang catuan atau kekurangan penawaran.<br>Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melaporkan lonjakan harga minyak sawit mentah mencecah RM4,270 setiap tan | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/tiada-kenaikan-harga-minyak-masak-bersubsidi-cukup/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berbanding RM4,061 pada sehari sebelumnya.<br>Harga komoditi minyak sawit meningkat drastik, harga minyak masak yang bukan diberi subsidi harga oleh kerajaan dijangka meningkat sedikit. | |
| | **B. Subsektor Kesihatan** | | |
| 18. | **Sinar Harian**<br>4 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Hospital Pantai jadi PPV hospital swasta pertama di Sungai Petani**<br><br>Hospital Pantai Sungai Petani dipilih menjadi sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) hospital swasta pertama di Sungai Petani yang mula beroperasi kelmarin, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tio Bee Chan. Jadual dan senarai penerima vaksin itu dikendalikan ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) dan Kementerian Kesihatan (KKM) melalui aplikasi MySejahtera. | https://www.sinarharian.com.my/article/142389/EDISI/Hospital-Pantai-jadi-PPV-hospital-swasta-pertama-di-Sungai-Petani |
| 19. | **The Edge**<br>4 Jun 2021<br>*(Essential)* | **IHH Healthcare appointed to provide COVID-19 vaccination at Setia City Convention Centre**<br><br>Ministry of Health (MoH)-backed ProtectHealth Corp Sdn Bhd has appointed IHH Healthcare Bhd to provide COVID-19 vaccination to the public at the Setia City Convention Centre in Shah Alam, Selangor, starting from next Monday (June 7).<br><br>The workforce from across our network in Malaysia — Pantai Hospitals, Gleneagles Hospitals, the Prince Court Medical Centre | https://www.theedgemarkets.com/article/ihh-healthcare-appointed-provide-COVID19-vaccinations-setia-city-convention-centre |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | and education arm International Medical University will be joining hands to help out at the mega vaccination centre from its commencement until immunity in the community is achieved as targeted. | |
| 20. | **Metro Harian**<br>5 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Hospital Gleneagles PPV swasta pertama di Sabah**<br><br>Hospital Gleneagles Kota Kinabalu menjadi hospital swasta pertama di Sabah membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi membantu Kementerian Kesihatan (KKM) mempercepatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di negeri itu. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/714207/hospital-gleneagles-ppv-swasta-pertama-di-sabah |
| 21. | **Sinar Harian**<br>5 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Kelantan sedia 19 PPV awam, sembilan PPVGP**<br><br>Kelantan membuka 19 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam dan sembilan PPV General Practitioner (PPVGP) atau klinik swasta bagi memberi kemudahan kepada seluruh rakyat negeri ini menerima vaksinasi COVID-19. Kesemua PPV awam tersebut sedang beroperasi sejak minggu lalu dan mendapat sambutan menggalakkan. | https://www.sinarharian.com.my/article/142506/BERITA/Nasional/Kelantan-sedia-19-PPV-awam-sembilan-PPVGP |
| 22. | **Utusan Malaysia**<br>5 Jun 2021<br>*(Essential)* | **6 hospital swasta di Pulau Pinang bantu suntik vaksin**<br><br>Enam buah hospital swasta di Pulau Pinang menyatakan kesediaan berfungsi sebagai Pusat Pemberian Vaksin Hospital | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/6-hospital-swasta-di-pulau-pinang-bantu-suntik-vaksin/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Swasta (PPVHS) yang dijangka mula beroperasi pada 7 dan 14 Jun ini.<br><br>Enam buah hospital berkenaan adalah Hospital Lam Wah Ee; Hospital Loh Guan Lye; Hospital Pantai dan Hospital KPJ yang dijangka mula beroperasi pada 7 Jun manakala dua lagi akan beroperasi pada 14 Jun 2021. | |
| 23. | **Metro Harian**<br>6 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Lebih banyak PPV dibuka pada Fasa Kedua, Ketiga**<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menggerakkan pelbagai jenis Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara dalam usaha menyuntik vaksin kepada 9.3 juta penerima pada fasa kedua Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). KKM menggerakkan lebih banyak PPV termasuk di Klinik Kesihatan, hospital awam, PPV mega, hospital swasta selain PPV hidbrid yang akan diumumkan nanti. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/714478/lebih-banyak-ppv-dibuka-pada-fasa-kedua-ketiga-pick-metrotv |
| | **C. Subsektor Pentadbiran dan Khidmat Sokongan** | | |
| 24. | **The Star**<br>4 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Faster vaccine rollout can save Malaysia's tourism sector, say travel operators**<br><br>The nationwide lockdown has forced tourism and hospitality players to once again face the grim reality of operating in an uncertain travel landscape amid the pandemic.<br>Many stakeholders in the country believe that stricter measures are timely to curb the alarming spike of COVID-19 cases in the country. | https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2021/06/04/faster-vaccine-rollout-can-save-malaysia039s-tourism-sector-say-travel-operators |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | While the lockdown is necessary, many believe that the industry will no longer be sustainable without some form of assistance. | |

Penemuan penting & isu:

1. MR DIY Group (M) Bhd melancarkan 69 produk baharu dari pelbagai jenama kesihatan dan penjagaan diri.

2. MPOB telah menghasilkan inovasi formulasi baja bagi tujuan pengkomersialan.

3. Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd. memperkenalkan dua skuter keluarannya.

| 3. | **Barita Harian**<br>06 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Bayi lahir di Malaysia bukan penentu taraf kewarganegaraan**<br><br>Sejak kebelakangan ini, isu kewarganegaraan kanak-kanak dilahirkan di negara ini hangat dibincangkan. Dalam hal ini, semua pihak harus memahami kedudukan kanak-kanak dilahirkan di negara ini di bawah Perlembagaan Persekutuan. | https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/06/824760/bayi-lahir-di-malaysia-bukan-penentu-taraf-kewarganegaraan |

Penemuan penting & isu:

1. Ketetapan yang berkuat kuasa pada 6 Jun 2021 bukan saja merangkumi sekolah kerajaan, malah turut membabitkan sekolah swasta, sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat yang mendaftar dengan Kementerian Pendidikan (KPM). KPM sedia maklum waktu ini sekolah dalam cuti pertengahan tahun dan sesi

persekolahan berikutnya mengikut takwim akan bermula pada 13 Jun untuk negeri kumpulan A dan 14 Jun untuk negeri kumpulan B. Murid akan mengikuti PdPR selama 25 hari persekolahan sehingga cuti berikutnya iaitu cuti pertengahan penggal bermula pada 16 Julai bagi negeri kumpulan A dan 17 Julai bagi negeri kumpulan B. Dari tarikh itu bermula cuti pertengahan penggal sehingga 26 Julai (negeri kumpulan B) dan 25 Julai (negeri kumpulan A).

2. Berdasarkan analisis dijalankan, daripada jumlah kumulatif kes baharu COVID-19 pada Minggu Epidemiologi ke-13 bermula 28 Mac hingga 3 April, sebanyak 8,968 kes (52 peratus) adalah kes sporadik. Pada Minggu Epidemiologi ke-19, 9 Mei hingga 15 Mei, sebanyak 29,386 (77.7 peratus) kes sporadik. Negara kemudian merekodkan kes kumulatif mingguan tertinggi setakat ini pada Minggu Epidemiologi ke-21, 23 Mei hingga 29 Mei, dengan sebanyak 53,419 (86.1 peratus) kes sporadik. Trend kes sporadik kekal tinggi pada Minggu Epidemiologi ke-22 pada 30 Mei ke 5 Jun dengan kes baharu 52,040 (84.3 peratus) kes sporadik. Kes kematian dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-13 28 Mac hingga 3 April sebanyak 35 kes (26 kes sporadik, manakala pada Minggu Epidemiologi ke-19 pada 9 Mei hingga 15 Mei sebanyak 209 kes kematian (187 kes sporadik). Jumlah ini melonjak dan pada Minggu Epidemiologi ke-22 pada 30 Mei hingga 5 Jun sebanyak 641 kematian dengan 559 kes sporadik.

3. Kelahiran di negara ini tidak membolehkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Istilah warganegara merujuk kepada rakyat sesebuah negara terdiri daripada penduduk asli tempatan ataupun orang asing diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang. Bagi kanak-kanak yang memperoleh kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan, mereka tidak menghadapi masalah dengan syarat kelahiran berlaku di negara ini. Selain itu, salah seorang daripada ibu bapanya juga disyaratkan warganegara atau pemastautin tetap, manakala perkahwinan ibu bapa juga adalah sah. Namun bagi anak tidak sah taraf, kewarganegaraannya ditentukan kewarganegaraan ibu dan bukan bapanya. Hal ini termaktub di bawah Seksyen 17 Jadual II Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Tahap Pendidikan merupakan salah satu soalan di dalam Soal Selidik Banci Malaysia 2020.
2. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak
   - 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
   - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan

- Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

3. Pada suku tahun pertama 2021, penduduk Malaysia dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding suku pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) bukan warganegara. Pada tempoh yang sama jumlah kelahiran hidup mencatatkan penurunan sebanyak 10.8 peratus (102,969 kelahiran), berbanding suku tahun pertama 2020 (115,439 kelahiran).

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>04 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Indeks jenayah di Negeri Sembilan turun**<br><br>Kes indeks jenayah di Negeri Sembilan mencatatkan penurunan kepada 833 kes bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berbanding 859 kes bagi tempoh sama tahun lalu.<br><br>Penurunan itu susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) d berikutan orang ramai tidak dibenarkan merentas daerah dan negeri selain kawalan ketat pasukan keselamatan di seluruh negeri ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713831/indeks-jenayah-di-negeri-sembilan-turun |
| 2. | **Berita Harian**<br>04 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Penghuni 500 pusat jagaan OKU, warga emas jalani vaksin secara mobil**<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memastikan penghuni di semua 500 pusat jagaan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas yang | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/824236/penghuni-500-pusat-jagaan-oku-warga-emas-jalani-vaksin-secara-mobil |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berdaftar menjalani program vaksinasi secara mobil.<br><br>Hal ini penting untuk dilaksanakan memandangkan kumpulan OKU dan warga emas adalah kelompok yang perlu diberi perhatian penting dalam program vaksinasi negara. | |
| 3. | **Harian Metro**<br>05 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Segerakan kajian vaksin untuk kanak-kanak**<br><br>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berharap kajian penggunaan vaksin COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun dapat disegerakan bagi melindungi golongan itu.<br><br>Hal ini kerana kes positif COVID-19 membabitkan kanak-kanak di negara ini amat membimbangkan dan ada yang dilaporkan maut akibat jangkitan wabak berkenaan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/714201/segerakan-kajian-vaksin-untuk-kanak-kanak |
| 4. | **Berita Harian**<br>06 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **12,887 unit peranti pintar sudah diagih**<br><br>Kementerian Pendidikan menyatakan sebanyak 12,887 daripada 150,000 unit komputer riba dilengkapi akses internet selama setahun sudah diagihkan kepada murid daripada keluarga B40, setakat semalam.<br><br>Pengagihan 40,290 unit lagi peranti sedang berlangsung dan ia dijangka selesai selewat-lewatnya 12 Jun ini. Baki 96,823 | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/824784/12887-unit-peranti-pintar-sudah-diagih |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | unit peranti pula dijangka selesai pada akhir September 2021.<br><br>Pemberian 150,000 komputer riba untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) murid daripada keluarga B40 oleh syarikat milik kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC) itu diumumkan dalam Belanjawan 2021. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kes indeks jenayah di Negeri Sembilan mencatatkan penurunan kepada 833 kes bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini berbanding 859 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

2. KPWKM akan memastikan penghuni di semua 500 pusat jagaan OKU dan warga emas yang berdaftar menjalani program vaksinasi secara mobil.

3. KPWKM berharap kajian penggunaan vaksin COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia 12 hingga 17 tahun dapat disegerakan bagi melindungi golongan itu.

4. Sehingga 5 Jun 2021, Kementerian Pendidikan menyatakan sebanyak 12,887 daripada 150,000 unit komputer riba dilengkapi akses internet selama setahun sudah diagihkan kepada murid daripada keluarga B40.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penurunan kes indeks jenayah di Negeri Sembilan adalah antara kesan positif yang boleh dilihat susulan pelaksanaan PKP kepada negeri tersebut. Merujuk kepada Statistik Jenayah 2020, kes indeks jenayah di Negeri Sembilan pada tahun 2019 adalah sebanyak 3,327 kes.

2. Program vaksinasi secara mobil adalah antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan kumpulan OKU dan warga emas terbabit dalam agenda vaksin negara. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang.

3. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Oleh itu, kajian penggunaan vaksin COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak haruslah disegerakan bagi melindungi golongan tersebut. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang

berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah adalah masing-masing sebanyak 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.

4. Golongan B40 adalah antara golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Pemberian sumbangan peranti pintar kepada murid daripada keluarga B40 akan membantu meringankan beban serta membolehkan golongan tersebut mengikuti PdPR. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah, Perak merupakan negeri yang mempunyai isi rumah B40 yang tertinggi iaitu sebanyak 12.7 peratus.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>03 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Petani, pemborong boleh mohon surat rentas daerah, negeri**<br><br>Petani dan pemborong produk pertanian di Kedah boleh memohon surat kebenaran merentas daerah dan negeri mengikut sektor melalui agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk beroperasi sepanjang pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh. | https://www.sinarharian.com.my/article/142142/EDISI/Petani-pemborong-boleh-mohon-surat-rentas-daerah-negeri |
| 2. | **Utusan**<br>03 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Melaka pasarkan lambakan tembikai Terengganu**<br><br>Sebanyak 10 tan metrik tembikai akan dijual pada harga serendah RM0.80 sekilogram di negeri ini bagi membantu mengatasi lambakan buah tersebut sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/melaka-pasarkan-lambakan-tembikai-terengganu/ |
| 3. | **The Star**<br>04 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Address oversupply by setting up special fund for farmers**<br><br>Cash crop farmers are hoping that the government will allocate dedicated funding to the Federal | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2021/06/04/address-oversupply-by-setting-up-special-fund-for-farmers |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Agricultural Marketing Authority (FAMA) to address the issue of oversupply during the lockdown. During the first movement control order in March last year, the oversupply of fruits and vegetables had led to wastage and farmers incurred thousands of ringgit in losses. | |
| 4. | **The Malaysian Reserve**<br>04 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Commodities sector gains amid higher inflation**<br><br>The increasing inflation rate signals the economy is expanding and sectors linked closely to economic growth are expected to fare better. Plantation counters are an investment thematic investors should consider in a high inflation cycle, as the sector is expected to fare better due to its ability to support economic growth and have more pricing power. | https://themalaysianreserve.com/2021/06/04/commodities-sector-gains-amid-higher-inflation/ |
| 5. | **Harian Metro**<br>04 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Peniaga durian Balik Pulau jangka buah banyak, murah**<br><br>Menjelang Jun hingga Ogos, peniaga buah sekitar Balik Pulau di sini biasanya sudah mula berkira-kira menghitung pulangan hasil musim buah durian yang memang terkenal di sekitar kawasan ini semasa tempoh berkenaan, namun tahun ini keadaannya mungkin tidak menentu.<br><br>Berikutan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) yang bermula semalam, ia menyebabkan peniaga durian dari Balik Pulau mulai bimbang, dan membuat pelbagai persediaan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713706/peniaga-durian-balik-pulau-jangka-buah-banyak-murah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kemungkinan berhadapan dengan kerugian berikutan lambakan buah, sekiranya raja buah itu tidak dapat dipasarkan secara lebih meluas. | |
| 6. | **Sinar Harian**<br>04 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Agih 4 tan ikan kepada penduduk PKPD**<br><br>Sebanyak empat tan ikan cencaru diagihkan kepada penduduk yang berpendapatan rendah atau kumpulan B40 di kawasan Parlimen Kuala Terengganu pada Jumaat. Agihan melibatkan 4,000 keluarga di kawasan itu yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sejak 30 Mei lalu dengan setiap mereka menerima satu kilogram ikan. | https://www.sinarharian.com.my/article/142350/EDISI/Agih-4-tan-ikan-kepada-penduduk-PKPD |
| 7. | **Sinar Harian**<br>04 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Fama sedia inisiatif bantu peniaga pasarkan durian**<br><br>Beberapa inisiatif disediakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang bagi membantu golongan peniaga dan pengusaha kebun memasarkan buah durian menjelang musim raja buah itu yang bakal tiba tidak lama lagi. Terdapat beberapa cabang khidmat pemasaran yang disediakan oleh Fama antaranya menyediakan pasar segar terkawal atau Pusat Operasi Perai untuk jualan secara terus. | https://www.sinarharian.com.my/article/142381/EDISI/Utara/Fama-sedia-inisiatif-bantu-peniaga-pasarkan-durian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8. | **The Star**<br>04 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Sabah Deputy CM: Don't panic buy or stockpile, there's enough food to last six months**<br><br>Sabah has more than enough fresh food supply from its agricultural base to meet demand during the current two-week lockdown. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/04/sabah-deputy-cm-don039t-panic-buy-or-stockpile-there039s-enough-food-to-last-six-months |
| 9. | **The Star**<br>05 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Flower industry 'wilting' during lockdown**<br><br>Flower farmers in Cameron Highlands are forced to throw away tonnes of flowers each day as florists all over the country are closed during the lockdown. Over 100 such farmers who supply flowers to the whole of the peninsular are seeing losses running into tens of thousands of ringgit daily. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/05/flower-industry-wilting-during-lockdown |
| 10. | **Kosmo**<br>05 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Ayam proses tidak laku dibekukan**<br><br>Rata-rata peniaga ayam di negeri Kelantan dan Johor terpaksa mengurangkan bekalan ayam proses di premis mereka sebagai langkah untuk mengurangkan kerugian bahan mentah itu sekiranya tidak habis dijual sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh.<br>Pada hari pertama PKP penuh Selasa lalu, ayam proses yang dijual di premis mereka tidak laku berikutan tiada pembeli. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/05/ayam-proses-tidak-laku-dibekukan/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11. | **Sinar Harian**<br>05 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Bekalan ikan cukup walaupun ketika 'lockdown'**<br><br>Stok bekalan ikan di negara ini tidak berdepan masalah walaupun dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh atau 'lockdown' bermula 1 Jun lalu. Sehingga kini bekalan ikan negara ialah sebanyak 185,000 tan metrik sebulan dan ia melebihi jumlah permintaan iaitu 155,000 tan metrik sebulan. | https://www.sinarharian.com.my/article/142537/BERITA/Nasional/Bekalan-ikan-cukup-walaupun-ketika-lockdown |
| 12. | **Malay Mail**<br>05 Jun 2021<br>*(Essential)* | **COVID-19: clinical waste increased by 111.94 percent, says deputy environment minister**<br><br>Clinical waste such as disposable plastics, rubber gloves and insulation gowns used by frontliners at health facilities have so far increased by 111.94 per cent compared to December 2019, which is before the COVID-19 pandemic took place in the country. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/05/COVID-19-clinical-waste-increased-by-111.94pc-says-deputy-environment-minis/1979839 |
| 13. | **Berita Harian**<br>06 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Petani Batu Kurau resah tak dapat jual pisang**<br><br>Lebih 300 petani di Batu Kurau buntu memikirkan nasib mereka apabila tanaman pisang yang diusahakan tidak dapat dipasarkan berikutan sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/824935/petani-batu-kurau-resah-tak-dapat-jual-pisang |

Penemuan penting & isu:

1. Petani dan pemborong produk pertanian di Kedah boleh memohon surat kebenaran merentas daerah dan negeri mengikut sektor melalui agensi-agensi di bawah MAFI untuk beroperasi sepanjang pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh. golongan tersebut boleh membuat permohonan di bawah agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

2. Sebanyak 10 tan metrik tembikai akan dijual pada harga serendah RM0.80 sekilogram di negeri ini bagi membantu mengatasi lambakan buah tersebut sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh. Bekalan telah diambil dari Terengganu dan dijangka ditambah mengikut permintaan tempatan. Tembikai berkenaan akan dijual di Pasar Tani Pasar Segar Terkawal (PST), Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat dan gerai buah-buahan yang terpilih.

3. *During the first movement control order in March last year, the oversupply of fruits and vegetables had led to wastage and farmers incurred thousands of ringgit in losses. FAMA should set up a 24-hour operations room with a hotline number for farmers to relay their concerns and seek help. The association also urged FAMA to come up with a better pricing mechanism to prevent profiteering.*

4. *The increasing inflation rate signals the economy is expanding and sectors linked closely to economic growth are expected to fare better. Plantation counters are an investment thematic investors should consider in a high inflation cycle, as the sector is expected to fare better due to its ability to support economic growth and have more pricing power.*

5. Berikutan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) yang bermula semalam, ia menyebabkan peniaga durian dari Balik Pulau mulai bimbang, dan membuat pelbagai persediaan kemungkinan berhadapan dengan kerugian berikutan lambakan buah, sekiranya raja buah itu tidak dapat dipasarkan secara lebih meluas. Kebanyakan pengusaha kebun durian memang membuat pelaburan dengan kos yang besar supaya hasil durian tahun ini lebih baik, jadi buah durian tahun ini lebih banyak, dan harga turun antara RM5 hingga RM10 setiap kilogram. Dijangka nanti mungkin timbul sedikit masalah apabila pasaran buah yang sebelum ini boleh dijual hampir ke seluruh Semenanjung Malaysia terutama Kuala Lumpur, akan tergendala berikutan pelaksanaan SPP, malah orang ramai juga hanya boleh keluar dalam radius 10 kilometer sahaja.

6. Sebanyak empat tan ikan cencaru diagihkan kepada penduduk yang berpendapatan rendah atau kumpulan B40 di kawasan Parlimen Kuala Terengganu pada Jumaat. Agihan melibatkan 4,000 keluarga di kawasan itu yang dikenakan PKPD sejak 30 Mei lalu dengan setiap mereka menerima satu kilogram ikan.

7. Beberapa inisiatif disediakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang bagi membantu golongan peniaga dan pengusaha kebun memasarkan buah durian menjelang musim raja buah itu yang bakal tiba tidak lama lagi. Terdapat beberapa cabang khidmat pemasaran yang disediakan oleh FAMA antaranya menyediakan pasar segar terkawal atau Pusat Operasi Perai untuk

jualan secara terus. Raja buah yang dinantikan ramai itu juga boleh didapati melalui portal Agrobazaar.com serta rangkaian outlet dan peruncitan di seluruh Pulau Pinang.

8. *Sabah has more than enough fresh food supply from its agricultural base to meet demand during the current two-week lockdown. The current supply of rice in Sabah was enough to last six months. Our current stock of white rice at wholesalers and retail outlets stands at 12,528 tonnes while our buffer stock stands at 49,500 tonnes. We also still have 12,528 tonnes in transit. On average, consumers in Sabah use 12,000 tonnes of rice per month.*

9. *Flower farmers in Cameron Highlands are forced to throw away tonnes of flowers each day as florists all over the country are closed during the lockdown. Over 100 such farmers who supply flowers to the whole of the peninsular are seeing losses running into tens of thousands of ringgit daily.*

10. Rata-rata peniaga ayam di negeri Kelantan dan Johor terpaksa mengurangkan bekalan ayam proses di premis mereka sebagai langkah untuk mengurangkan kerugian bahan mentah itu sekiranya tidak habis dijual sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh. Sekiranya bekalan ayam tidak habis, kebanyakan peniaga akan memotong bahan mentah itu mengikut bahagian tertentu sebelum disejuk beku dan dijual semula.

11. Stok bekalan ikan di negara ini tidak berdepan masalah walaupun dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh atau 'lockdown' bermula 1 Jun lalu. Sehingga kini bekalan ikan negara ialah sebanyak 185,000 tan metrik sebulan dan ia melebihi jumlah permintaan iaitu 155,000 tan metrik sebulan.

12. *The clinical waste volume would continue to increase to 173.25 tonnes per month within the next 12 months if the pandemic continued. Clinical waste such as disposable plastics, rubber gloves and insulation gowns used by front liners at health facilities have so far increased by 111.94 per cent compared to December 2019, which is before the COVID-19 pandemic took place in the country. This is considered a significant figure that can threaten the earth's greenery and environmental sustainability if not managed properly. KASA through the Department of Environment (DOE) and related agencies had taken steps to overcome the constraints of waste disposal efficiency, but there was still a backlog of clinical waste to dispose of. 12 incinerators, four microwaves and one ozonator had been licensed nationwide to manage the 'SW 404' scheduled waste with a total capacity of 5,168.05 tonnes, and this was still able to accommodate the current clinical waste generation of 4394.37 tonnes. The operating hours and disposal capacity at the clinical material disposal plant had also been extended and enhanced to accommodate the increase.*

13. Lebih 300 petani di Batu Kurau buntu memikirkan nasib mereka apabila tanaman pisang yang diusahakan tidak dapat dipasarkan berikutan sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Ini kerana pemandu lori atau peraih tidak dapat datang ke pusat pengumpulannya kerana tidak mendapat kebenaran atau permit daripada pihak berkaitan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi komoditi agromakanan terpilih (42 jenis item termasuk beras) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih secara tahunan meliputi buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan. SUA merupakan penerbitan yang memaparkan indikator Kadar Sara Diri (SSR), Kadar Kebergantungan Import (IDR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC). Berdasarkan penerbitan SUA 2015-2019, pada 2019, kadar SSR Tembikai; 161.3 peratus. Ini menunjukkan pengeluaran tembikai adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan domestik. IDR tembikai pada 2019 adalah 6.5 peratus meningkat berbanding 3.8 peratus pada 2018.

2. Pada 2019, pengeluaran pisang dan durian masing-masing 325,446.9 tan metrik dan 377,251.0 tan metrik. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran pisang akan meningkat kepada 370,060 tan metrik dan durian 405,536 tan metrik pada 2020. Berdasarkan penerbitan IPT 2020, sehingga Jun 2020, harga runcit pisang berangan adalah RM4.75 meningkat RM0.10 berbanding tahun 2020. Manakala purata harga durian kampung pula bagi tempoh Jan-Jun 2020 adalah RM12.10. Pelaksanaan PKP 3.0 ini juga dijangka akan memberi kesan kepada harga kedua-dua jenis buah-buahan tersebut.

3. Pengagihan ikan cencaru kepada penduduk secara tidak langsung membantu penduduk mempunyai akses kepada sumber protein dalam piramid makanan. Pengeluaran ikan cencaru pada 2019 adalah 32,420.2 tan metrik. Statistik ini diperoleh dari penerbitan IPT 2020.

4. 10 jenis item sayur-sayuran terpilih iaitu tomato, terung, bayam, salad, timun, kacang panjang, bendi, sawi, kobis bulat dan cili telah diliputi di dalam penerbitan SUA 2015-2019. SSR tertinggi adalah tomato iaitu 131.2 peratus diikuti terung (119.3%) dan bayam (112.6%).

5. Pelaksanaan PKP ini turut memberi kesan kepada pengusaha tanaman bunga. Pahang merupakan negeri pengeluar kedua tertinggi bunga-bungaan di Malaysia. Pengeluaran bunga-bungaan di Pahang pada 2019 sebanyak 147,909,499 keratan/ pasu/ pokok iaitu 28.1 peratus kepada jumlah keseluruhan pengeluaran bunga-bungaan di Malaysia. Statistik ini adalah berdasarkan penerbitan Perangkaan Agromakanan 2019 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

6. Pengeluaran daging ayam/ itik pada 2019 adalah 1,716,703.9 tan metrik meningkat 3.8 peratus berbanding 2018. SSR dan PCC daging ayam itik adalah 98.2 peratus dan 50.9 kilogram/tahun pada 2019. Pelaksanaan PKP 3.0 ini dilihat memberi impak kepada pengeluaran dan penggunaan daging ayam/ itik melalui penerbitan SUA 2017-2021 yang akan diterbitkan pada 2022.

7. Penerbitan SUA juga meliputi item perikanan iaitu Udang, Tuna, Mackerel, Ketam, Sotong dan Tilapia. Tiga daripada enam Perikanan Terpilih merekodkan SSR melebihi 100 peratus pada 2019 iaitu Udang, Sotong dan Tilapia. Sotong kekal SSR tertinggi iaitu 109.2 peratus manakala SSR mackerel kekal terendah (84.5%).

8. Lambakan bekalan pertanian berlebihan yang akan menyebabkan kerugian merupakan salah satu komponen dalam pengiraan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi (SUA).

9. Merujuk kepada Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) berdasarkan data daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan kuantiti buangan sisa klinikal pada 2019 ialah 33,757.0 tan metrik. Tiga (3) negeri mencatatkan jumlah buangan klinikal tertinggi iaitu Selangor (7.3 ribu tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (3.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (3.7 ribu tan metrik).

| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br><br>**4 Jun 2021**<br><br>(*Non-essential*) | **SOCSO coverage extended to domestic workers from June 1**<br><br>The Ministry of Human Resources (MoHR), through Social Security Organisation (SOCSO), has extended social security protection coverage to domestic workers effective June 1.<br><br>Extension, under the Employees' Social Security Act 1969 (Act 4) and the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800), will enable Some 104,400 domestic | https://www.theedgemarkets.com/article/socso-coverage-extended-domestic-workers-june-1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | workers involving 15,000 workers with citizenship and permanent resident status, as well as 89,400 foreign workers to receive the same protection as workers in other sectors. | |
| 2. | **The Edge Market**<br><br>**4 Jun 2021**<br><br>(*Non-essential*) | **Employers laud govt's decision to grant HRD levy exemption - MEF**<br><br>Private sector employers have lauded the government's decision to exempt payment of Human Resources Development Corporation (HRD Corp) levy. This will allow employers to manage their cash flow more effectively to remain sustainable amid the unprecedented global crisis. Most employers were micro enterprises and the SMEs that make up more than 98% of registered companies in Malaysia.<br><br>Under the Pemerkasa Plus economic stimulus package, employers registered with Human Resources Development Bhd will be given levy exemption for the month of June, extension of levy payment exemption to employers from March to May. | https://www.theedgemarkets.com/article/employers-laud-govts-decision-grant-hrd-levy-exemption-%E2%80%94-mef |
| 3. | **The Edge Market**<br><br>**4 Jun 2021**<br><br>(*Non-essential*) | **CIMB continues to extend financial assistance to affected customers** | https://www.theedgemarkets.com/article/cimb-continues-extend-financial- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | CIMB Bank Bhd and CIMB Islamic Bank Bhd will continue to extend financial relief assistance programmes for all affected customers, in line with the recent Pemerkasa Plus aid package announced by the Government.<br><br>Latest financial relief assistance programed would be extended to customers who have lost their jobs, B40 customers, microenterprises as well as small and medium enterprises (SMEs) that were not allowed to operate during full lockdown. Customers may opt for a three-month moratorium or a 50% reduction in monthly instalments for six months. | assistance-affected-customers |

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah meluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja domestik bermula 1 Jun. Peluasan liputan akan membolehkan lebih 104,400 pekerja domestik meliputi 15 ribu pekerja dengan status kewarganegaraan dan pemastautin tetap serta 89,400 pekerja asing dilindungi sama seperti pekerja sektor lain.

2. Majikan sektor swasta menyokong keputusan kerajaan mengecualikan bayaran *levi Human Resources Development Corporation* (HRD Corp). Kebanyakan majikan adalah berstatus PKS dan pengusaha mikro yang meliputi 98 peratus daripada syarikat berdaftar di Malaysia. Di bawah pakej rangsangan ekonomi Pemerkasa Plus, majikan berdaftar dengan HRD Corp akan dikecualikan levi untuk bulan Jun, lanjutan daripada pengecualian yang telah diberikan pada Mac hingga Mei.

3. CIMB Bank Bhd dan CIMB Islamic Bank Bhd akan terus meluaskan program bantuan kewangan kepada semua pelanggan yang terjejas, sejajar pengumuman terkini pakej bantuan Pemerkasa Plus oleh kerajaan.

Bantuan kewangan terkini dilanjutkan kepada pelanggan yang kehilangan pekerjaan, pelanggan B40 dan PKS yang tidak dibenarkan beroperasi semasa PKP penuh. Pelanggan boleh memilih moratorium 3 bulan atau 50 peratus pengurangan bayaran pinjaman bulanan selama 6 bulan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
   iii) Penganggur: 771.8 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

2. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:
   i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
   ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
   iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
   iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2021:
   i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,260 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,348 ribu (52.6%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,160 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,234 ribu jawatan diisi (15.0%).
   ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,560 ribu (18.9%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 904 ribu (10.9%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
   iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 564 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 412 ribu (5.0%).
   iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 17.4 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 7.8 ribu (42.4%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (36.6%).

4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)

iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

5. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
   iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
   iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
   v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
   vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

6. Bilangan pertubuhan mengikut kategori PKS dan Besar bagi tahun 2015 berdasarkan Penerbitan PKS Banci Ekonomi 2016 adalah seperti berikut:
   i) PKS: 907,065
   ii) Besar: 13,559
   iii) Jumlah: 920,624